

02/08/2001

MCA bincang pindaan perlembagaan

Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR, Rabu - MCA menerima banyak desakan ahli supaya mengkaji perlembagaan parti itu, terutama berhubung tempoh jawatan Presiden, Timbalan Presiden, empat Naib Presiden dan 25 ahli Jawatankuasa Pusat (CC).

Sehubungan itu, resolusi berhubung penubuhan sebuah jawatankuasa khas bagi mengkaji perlembagaan itu akan dibentangkan pada Perhimpunan Agung MCA ke-48 Sabtu ini.

Setiausaha Agungnya, Datuk Seri Dr Ting Chew Peh, berkata separuh daripada 624 cadangan yang diterima urusetia MCA menyentuh isu pindaan perlembagaan parti itu.

"Kami menerima banyak cadangan daripada perwakilan dan antara cadangan itu membabitkan pindaan perkara 21 perlembagaan parti," katanya pada sidang akhbar di Wisma MCA di sini, hari ini.

Perkara 21 perlembagaan menyatakan bahawa Presiden, Timbalan Presiden, empat Naib Presiden dan 25 ahli Jawatankuasa Pusat (CC) parti harus dipilih daripada kalangan perwakilan yang menghadiri perhimpunan agung dan akan berkhidmat sehingga pemilihan parti berikutnya atau dipecat.

Beliau berkata, cadangan lain yang diterima berhubung pindaan perlembagaan parti ialah meminda perkara 30, 31 dan 37 berkaitan perhimpunan agung manakala perkara 150 (Lembaga Pemegang Amanah) dan 165 (kuasa untuk membuat peraturan seperti melantik atau memecat ahli jawatankuasa).

Resolusi lain ialah mengukuhkan perpaduan nasional, menyokong Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) dan membantah matlamat Pas menubuhkan negara Islam.

Dr Ting berkata, pihaknya turut menerima cadangan untuk mengehendkan tempoh jawatan pemimpin MCA dalam kerajaan.

Beliau berkata, 80 peratus daripada 2,385 perwakilan akan menghadiri perhimpunan agung sehari itu yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Ting berkata, perhimpunan agung kali ini tidak akan dihadiri pemerhati berikutan tempat duduk yang terhad di Dewan San Choon, Wisma MCA.

Beliau berkata, perwakilan juga dilarang membawa sebarang sepanduk atau poster dan tidak boleh menjerit ketika perhimpunan berlangsung.

Ditanya sama ada resolusi akan diluluskan satu per satu atau sekali gus, beliau berkata, ia terpulang kepada budi bicara Pengerusi perhimpunan, Datuk Yip Pui Hong.

Sementara itu, Kesatuan Wartawan Kebangsaan (NUJ) cawangan Nanyang Siang Pau menyeru MCA supaya menjual saham Nanyang Press Holdings Bhd (Nanyang Press) secepat mungkin.

Pengerusinya, Chia Kee Liang, berkata pihaknya turut menyeru MCA supaya memastikan Nanyang Press tidak dimonopoli kumpulan media lain.

(END)